

PERMOHONAN BARU





1. PERMOHONAN BARU SECARA DALAM TALIAN

1. Pilih menu **PERMOHONAN BARU**
2. Sila masukkan **NO.KAD PENGENALAN**
3. Klik butang **HANTAR**

** Borang permohonan akan dipaparkan jika data belum wujud.

** Jika no MyKad tidak wujud pada data JPN, kotak mesej berikut akan dipaparkan.

** Jika data telah wujud, kotak mesej berikut akan dipaparkan. Pemohon perlu mengambil tindakan lanjut di menu **KEMAS KINI PERMOHONAN** di Laman MyBR1M



BAHAGIAN A:		MAKLUMAT PEMOHON	
Nama*	MOHAMMAD BIN AHMAD	Nama Bank*	
(sesuai MyKad)		No. Akaun Bank*	
No. MyKad		(Makan Persekitaran)	
Tarikh Lahir*	16 / 07 / 1991 Umur 27 Tahun	Alamat e-Mel *	
(Berterima pada Januari 2018)		Alamat Surat- Menyurat Terkini*	
Jantina*	Lelaki		
Status Perkahwinan*		Poskod*	
Tarikh Perceraian / Kematian		Bandar / Daerah*	
Pasangan (jika berkahwin)*		Negeri*	
No. Telefon Rumah			
No. Telefon Bimbit*			
Pekerjaan*			

2. BAHAGIAN A – MAKLUMAT PEMOHON

1. Sila isi maklumat pemohon di ruangan **BAHAGIAN A**:


- | | | |
|---------------------------------------|---|---|
| Nama | – | Nama pemohon akan dipaparkan secara automatik berdasarkan maklumat yang terdapat dalam MyKad. |
| No. MyKad | – | No. MyKad akan dipaparkan berdasarkan maklumat MyKad yang dimasukkan. |
| Tarikh Lahir | – | Tarikh Lahir pemohon akan dipaparkan secara automatik berdasarkan maklumat yang terdapat dalam MyKad. |
| Umur | – | Umur pemohon akan dipaparkan secara automatik berdasarkan umur tahun 2018. |
| Jantina | – | Jantina pemohon akan dipaparkan secara automatik berdasarkan maklumat yang terdapat dalam MyKad. |
| Status Perkahwinan | – | Sila pilih Status Perkahwinan . (cth : Kahwin atau Ibu / Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda atau Bujang) |
| Tarikh Perceraian / Kematian Pasangan | – | Sila masukkan Tarikh Perceraian jika ada. Tarikh perceraian mestilah tidak melebihi tarikh semasa pemohon. |
| No.Telefon Rumah | – | Sila masukkan No. Telefon Rumah . (cth : 03-12345678) |
| No.Telefon Bimbit | – | Sila masukkan No. Telefon Bimbit . (cth : 013-1234567) |
| Pekerjaan | – | Sila Pilih Pekerjaan . (cth : Bekerja sendiri atau Penggajian (Makan Gaji / Upah) atau Tidak bekerja) |
| Nama Bank | – | Sila pilih Nama Bank .(cth : CIMB BANK BERHAD) |
| No. Akaun Bank | – | Sila masukkan No. Akaun Bank . |
| Alamat e-Mel | – | Sila masukkan Alamat e-Mel . Wajib diisi bagi pemohon yang berumur 30 tahun ke bawah |
| Alamat Surat- Menyurat Terkini | – | Sila masukkan Alamat Surat - Menyurat Terkini, Poskod, Bandar / Daerah dan Negeri . |

***Medan yang bertanda (*) merupakan ruangan yang **WAJIB** diisi.

BAHAGIAN B:		MAKLUMAT SENDIRI / AHLI ISI RUMAH				Pendapatan Kasar Bulanan (RM)	Tambah / Hapus Tanggungan
	Jenis Pengenalan	No. MyKad / MyPR / MyKAS / MyKid / Sijil Lahir / Pasport	Tarikh Tamat Sah Tempoh	Nama (seperti diumumkan penganalan)			
SENDIRI	No. MyKad			MOHAMAD BIN AHMAD		.00	
PASANGAN	Sila Pilih jenis Pengenalan					.00	
TANGGUNGAN	No. MyKad					.00	
TANGGUNGAN	MyPR / MyKid					.00	
TANGGUNGAN	MyKAS					.00	
TANGGUNGAN	No. Pasport					.00	
TANGGUNGAN	Sila Pilih jenis Pengenal					.00	
JUMLAH PENDAPATAN KESELURUHAN						.00	

3. BAHAGIAN B – MAKLUMAT SENDIRI / AHLI ISI RUMAH

1. Pada ruangan **SENDIRI**, sila isi amaun **Pendapatan Kasar Bulanan (RM)**. Jika tiada Pendapatan Kasar Bulanan (RM), sila isi "0".
2. Jika status Perkahwinan adalah kahwin, maklumat pasangan **WAJIB** di isi.
3. Pilih Jenis Pengenalan dan masukkan no pengenalan pasangan.
4. Jika pilih Jenis Pengenalan MyKAS/No. Passport, pemohon perlu masukkan tarikh tamat sah tempoh.
5. Nama pasangan akan terpapar secara automatik jika data wujud di JPN.
6. Isi amaun **Pendapatan Kasar Bulanan (RM)** pasangan. Jika tiada pendapatan, sila isi "0".
7. Jika mempunyai Tanggungan, sila klik simbol terlebih dahulu sebelum maklumat tanggungan diisi.
8. Pilih Jenis Pengenalan dan masukkan no pengenalan tanggungan.
9. Nama tanggungan akan terpapar secara automatik jika data wujud di JPN.
10. Isi amaun **Pendapatan Kasar Bulanan (RM)** tanggungan. Jika tiada pendapatan, sila isi "0".
11. Klik pada simbol jika ingin menghapuskan maklumat tanggungan yang telah diisi.
12. Kotak mesej bagi pengesahan hapus maklumat tanggungan akan dipaparkan.
13. Klik 'OK' jika pasti untuk hapus maklumat tanggungan dan MAKLUMAT SENDIRI / ISI AHLI RUMAH akan dipaparkan semula.
14. Jika klik pada 'Cancel', maklumat tanggungan akan dipaparkan semula dan proses hapus maklumat tanggungan batal.
15. Jika maklumat pasangan/tanggungan tidak wujud di JPN/Agensi, kotak mesej berikut akan dipaparkan dan nama perlu diisi secara manual.



PILIHAN WARIS : Ada Tiada

BAHAGIAN C:		MAKLUMAT WARIS		
Hubungan (Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik - Beradik / Cucu)*	Jenis Pengenalan*	No. MyKad / MyPR / MyKAS / MyKid / Sijil Lahir / Pasport*	Nama Waris (seperti dokumen pengenalan)*	No. Telefon*
IBU BAPA ANAK ADIK - BERADIK CUCU	Sila Pilih jenis Pengenalan			
PENGESAHAN Pengesahan:				
		Masukkan Kod Pengesahan Seperti Yang Tertera Di Sebelah:		
		 <input type="text"/>		
Cetakan memerlukan perisian Adobe Acrobat Reader 9.0 ke atas 				
				<input type="button" value="HANTAR"/> <input type="button" value="LAMAR UTAMA"/>

4. BAHAGIAN C – MAKLUMAT WARIS

1. Pemohon perlu memilih di **PILIHAN WARIS** sama ada *tick* pada **ADA** atau **TIADA** waris
2. Jika *tick* pada **ADA** waris pemohon **Maklumat Waris** akan dibuka dan wajib diisi.
3. Pemohon perlu pilih **Hubungan**. (cth : Pasangan, ibu, bapa, anak, adik-beradik atau cucu).
4. Maklumat waris akan dipaparkan secara automatik jika wujud maklumat pasangan / tanggungan di Bahagian B – Maklumat Sendiri / Ahli Isi Rumah.

BAHAGIAN C:		MAKLUMAT WARIS		
Hubungan (Pasangan / Ibu / Bapa / Anak / Adik - beradik / Cucu)*	Jenis Pengenalan*	No. MyKad / MyPR / MyKAS MyKid / Sijil Lahir / Pasport*	Nama Waris (seperti dokumen pengenalan)*	No. Telefon*
PASANGAN	No. MyKad	XXXXXXXXXXXXXX	SITI BINTI IBRIS	0145266565

5. Pilih **Jenis Pengenalan** dan masukkan no pengenalan waris.
6. **Nama waris** akan terpapar secara automatik jika data wujud di JPN. Jika tiada maklumat di ruangan ini, pemohon perlu mengisi secara manual.
7. Jika klik **TIADA** waris, ruangan di Bahagian C tidak perlu diisi.

5. AKUAN PENGESAHAN

1. Sila masukkan kod seperti yang dipaparkan pada ruangan **Kod Pengesahan** di sebelah kiri.
2. Klik butang **HANTAR**.

AKUAN PENGESAHAN

Saya : MOHAMAD BIN AHMAD

No. MyKad : XXXXXXXXXXXXX

mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar, betul dan lengkap.

1. Sekiranya saya didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, saya boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun dan boleh juga dikenakan denda serta disenaraihitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima BR1M.
2. Saya dengan ini memberi kebenaran untuk menyemak maklumat saya dengan agensi-agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi menentukan kelayakan BR1M 2018.
3. Semua maklumat yang dikemukakan dalam permohonan BR1M akan sepenuhnya menjadi hak milik kerajaan dan boleh digunakan untuk urusan atau program rasmi kerajaan.

Saya bersetuju dengan terma dan syarat di atas *

SETUJU & HANTAR **TIDAK**

6. PAPARAN AKUAN PENGESAHAN

1. Paparan seperti di atas dipaparkan.
2. Sila tandakan ruangan "Saya bersetuju dengan terma dan syarat di atas" jika bersetuju dan klik butang **SETUJU & HANTAR**.
3. Paparan seperti dibawah akan dipaparkan.
4. Klik butang **TIDAK** untuk kembali pada skrin permohonan sekiranya terdapat pindaan.

